

Hubungan antara pembangunan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke 21 dengan pembentukan sahsiah murid sekolah kurang murid (skm) luar bandar di Sabah

ABSTRACT

Penerapan nilai dalam pendidikan abad ke-21 amat penting bagi membentuk sahsiah murid yang mapan dalam pelbagai aspek seperti yang digariskan dalam Falsafah pendidikan Kebangsaan (FPK). Kajian korelasi ini dijalankan bagi mengkaji hubungan pembangunan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke-21 dengan pembentukan sahsiah murid Sekolah Kurang Murid (SKM) luar bandar di Sabah. Kajian ini menggunakan reka bentuk bukan eksperimen dan kaedah kuantitatif. Seramai 209 orang guru SKM dijadikan sampel dalam kajian ini yang dipilih menggunakan kaedah pensamplean rawak mudah. Instrumen soal selidik pula digunakan bagi mengukur variabel-variabel kajian. Data mentah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) dengan menggunakan analisis statistik inferensi yang melibatkan ujian Korelasi Pearson. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif signifikan yang kuat antara pembangunan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke-21 dengan pembentukan sahsiah murid Sekolah Kurang Murid (SKM) luar bandar di Sabah ($r=0.88$, $P<0.05$). Dapatan kajian ini memberi maklumat berguna berkaitan dengan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke-21 dan pembentukan sahsiah murid yang diharap dapat memberikan sumbangan ke arah memperkasakan sistem pendidikan kebangsaan.